KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	21/10/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	38
JABATAN	:	TNB			

TNB tembusi pasaran ladang angin luar pesisir UK

Vantage RE Ltd (Vantage RE), syarikat milik penuh Tenaga Nasional Bhd (TNB) memeterai Perjanjian Pembelian Saham (SPA) untuk memperoleh 49 peratus pegangan syarikat ladang angin luar pesisir, Blyth Offshore Demonstrator Limited (BODL) yang berpangkalan di United Kingdom (UK) daripada EDF Renewables (EDFR).

TNB dalam satu kenyataan berkata, pemerolehan itu menandakan penyertaan sulung syarikat utiliti itu dalam pasaran ladang angin luar pesisir berikutan pemilikan aset angin BODL di perairan Blyth, Northumberland, England.

"Aset itu merangkumi lima turbin angin dengan kapasiti penjanaan sebanyak 41.5MW (Blyth 1) dan hak pembangunan lanjut projek turbin angin terapung (Blyth 2) sehingga 58.4MW berhampiran pantai Northumberland.

"Setiap turbin 8.3MW Blyth 1 didirikan di atas struktur asas berasaskan graviti, yang menggunakan beban konkrit bagi menetapkan kedudukan turbin tanpa menembusi dasar laut," katanya.

Menurut kenyataan itu, ladang angin terbabit beroperasi sejak 2017 di bawah rejim subsidi Renewable Obligation Certificates (ROC) yang dijangka dapat memberi pulangan yang stabil.

"Dalam pada itu, Blyth 2 adalah projek turbin angin luar pesisir terapung inovatif yang kini berada dalam peringkat awal pembangunan," katanya.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Baharin Din, berkata pemerolehan itu adalah antara perancangan pemerolehan strategik untuk memesatkan usaha mencapai visi Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

"Baru-baru ini, kami mengumumkan Hala Tuju Kelestarian TNB, satu rangka tindakan dengan aspirasi mencapai pelepasan sifar bersih menjelang 2050.

"Hala tuju ini dipacu menerusi komitmen untuk mengurangkan intensiti pelepasan TNB sebanyak 35 peratus serta pengurangan 50 peratus kapasiti penjanaan arang batu menjelang 2035," katanya.

Vantage RE dilancarkan pada 1 Julai 2021 untuk memiliki, mengendalikan dan mengurus portfolio aset RE TNB di Eropah. EDFR adalah anak syarikat utiliti Perancis, Électricité de France (EDF).

BH 21 Okt 2021_38